

Sistem meritokrasi mungkin dilaksanakan semester depan

UM 29 JUL 2001

Oleh
MOHD. RADZI MOHD. ZIN

SHAH ALAM 28 Julai — Kerajaan mungkin melaksanakan sistem meritokrasi pada semester depan bagi memastikan pelajar bumiputera menumpukan perhatian terhadap pelajaran, bukannya terlibat dalam kegiatan lain terutama politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan itu bagi

memastikan hanya mereka yang mendapat kelulusan tinggi berpeluang menyambung pelajaran di universiti.

Melalui cara itu, tegas beliau, mereka yang hendak memasuki universiti perlu belajar bersungguh-sungguh sejak dari sekolah rendah untuk memastikan layak masuk ke menara gading.

Bagaimanapun katanya, kerajaan belum memutuskan perkara itu tetapi ia adalah cadangan untuk memastikan mereka yang tidak

mahu belajar tidak diberi tempat di universiti.

Beliau berkata, kerajaan mendapati apabila memberi kelonggaran kepada mereka yang tidak mempunyai merit masuk ke universiti, pelajar-pelajar terbabit tidak menumpukan terhadap pelajaran.

“Penuntut dan pensyarah mesti tumpukan peluang di universiti untuk kecemerlangan akademik,” katanya.

Ditanya sama ada syarat baru itu akan dilaksanakan

untuk sesi pengambilan pelajar akan datang, Dr. Mahathir berkata: “Kita sedang buat kajian mengenainya dan saya rasa ya.”

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke SIRIM Berhad. di sini hari ini.

Dr. Mahathir menjelaskan kenyataannya semalam mengenai kemungkinan melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan di universiti

■ Lihat muka 4

Sistem meritokrasi mungkin dilaksanakan semester depan

bagi mengatasi masalah pelajar bumiputera.

Katanya, tindakan itu diharap dapat membangkitkan kesedaran mengenai prestasi pelajar bumiputera yang mengecewakan berbanding pelajar kaum lain.

Perdana Menteri menjelaskan, pelajar yang memasuki universiti mungkin juga akan dimestikan membuat perjanjian supaya mereka melaksanakan tugas belajar, menghadiri kuliah dan membuat segala kerja yang diberi.

Katanya, terdapat pelajar yang menganggap mereka akan tetap dapat masuk ke universiti walaupun tidak mencapai merit yang ditetapkan.

Beliau berkata, mereka berpendapat kerajaan mana pun akan memberi mereka peluang memasuki universiti walaupun hanya mendapat kelulusan rendah.

Sebaliknya, kata Dr. Mahathir, terdapat pelajar yang mengugut kerajaan bahawa mereka akan berkempen untuk parti lawan jika ditegur.

“Mereka cakap bukan main sombong ini bukan duit kerajaan dan sebagainya... kita tahu ini bukan duit kita, tapi kita pemegang amanah rakyat. Kita mesti tadbir dengan baik kalau tak nak belajar, kita tak bagi mereka masuk. Bila kita tegur sikit, ugut akan berkempen dan sokong parti lawan. Kita nak bagi pelajaran pada dia, dia ugut kita,” jelas Perdana Menteri.

Dr. Mahathir juga mencabar golongan yang tidak menggunakan kesempatan belajar di universiti supaya keluar.